

INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan

EDISI 25

ISSN 1823-6421



You Deal with Us You Deal with the Best

Tina Stephen Enggong¹, Rane Atlas², Saifulrizan Norizan¹,
Lucy Batchy Gabriel Puem³, dan Nuraini Putit²

¹Fakulti Perakaunan, Universiti Teknologi MARA, Samarahan, Sarawak

²Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan, Universiti Teknologi MARA,
Samarahan, Sarawak

³Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA,
Samarahan, Sarawak

*Koresponden: stenia@uitm.edu.my

Usia bukanlah pengukur yang menentukan kemampuan seseorang untuk hidup mewah kerana kini ramai anak muda berkebolehan menjana pendapatan bulanan yang mencecah sehingga enam angka hasil dari titik peluh sendiri. Namun, kemewahan tidak akan dapat dicapai dengan senang dan mudah tanpa mengenal erti penat dan lelah dalam mencapai sesuatu kejayaan.

Bermula dengan menjalankan perniagaan percetakan di rumah selama empat tahun, Mohammad Aznizan bin Jezeri, 32 tahun, anak muda kelahiran Sarawak ini kemudian mengorak langkah dengan membuka sebuah premis perniagaan pada tahun 2020, dikenali sebagai Creativenest Enterprise yang terletak di Bandaraya Kuching, Sarawak. Berkongsi latar belakangnya, Mohammad Aznizan berkata, beliau mempunyai Diploma dalam bidang Pengurusan Pelancongan daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sarawak pada 2012 dan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang sama daripada Universiti Sunderland (Program usahasama dengan Kolej SEGi).

Objektif utama perniagaan ini adalah sentiasa berusaha secara konsisten dalam menyediakan perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti supaya para pelanggan berpuashati dengan perkhidmatan yang ditawarkan seiring dengan slogan perniagaan "You Deal with Us, You Deal with The Best". Kini, beliau mampu tersenyum lebar kerana usahanya dalam membina perniagaan percetakan telah membuahkan hasil yang lumayan berkat dari minat yang mendalam dalam bidang percetakan serta sokongan keluarga telah mendorong beliau untuk menceburi dan memulakan perniagaan percetakan yang menawarkan pelbagai produk seperti cetakan baju kemeja, banner, pelekat, cenderamata, baju korporat serta pakaian seragam.

Bukan mudah untuk berjaya

Menurut Mohammad Aznizan, kejayaan yang dikecapinya kini adalah hasil pelbagai inisiatif yang disediakan oleh kerajaan untuk membantu rakyat memajukan diri dalam bidang perniagaan seperti kemudahan dari segi kewangan, perkhidmatan pembaharuan lesen, kursus-kursus perniagaan. Beliau juga pernah mendapat subsidi dari pihak kerajaan seperti geran dari SME Corporation dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Sarawak (SEDC) selain daripada menggunakan modal sendiri untuk memulakan perniagaan. Lebih membanggakan lagi, biarpun baharu memulakan perniagaan dan hanya mempunyai dua orang staf, syarikat beliau pernah mendapat tender, tempahan dari pihak kerajaan negeri dan persekutuan serta mendapat perhatian dari *social influencer*, Cardock.



Walau bagaimanapun, perniagaan beliau turut terjejas semasa Malaysia serta kebanyakan negara di dunia dilanda dan terus bergelut dengan penularan wabak COVID-19. Jualan perniagaan jatuh merudum semasa pandemik COVID-19. Selain itu, persaingan sengit dalam sektor yang sama juga turut memberi kesan terhadap pertumbuhan awal Creativenest Enterprise. Ujar beliau lagi, untuk terus bersaing secara sihat, perniagaannya haruslah menawarkan perkhidmatan yang berkualiti pada harga yang berpatutan, menambah mesin percetakan yang mempunyai teknologi yang canggih dan terkini, memberi fokus utama ke arah strategi pemasaran atas talian, bergerak mengikut peredaran masa agar sentiasa peka dengan permintaan semasa dan mengutamakan B2B *customer* serta beralih ke perniagaan SDN BHD pada masa hadapan.

Impian dan azam

Dorongan isteri dan keluarga, bantuan dari pihak kerajaan seperti geran pembangunan usahawan dan mencapai impian untuk menjadi sebuah syarikat percetakan bumiputera yang terkenal dan berjaya pada masa hadapan telah mendorong pemilik Creativenest Enterprise ini untuk terus kekal relevan dan berdaya saing dalam dunia perniagaan. Beliau juga tidak terkecuali turut giat mempromosi perniagaannya di pelbagai platform media sosial seperti di Instagram, Facebook dan TikTok yang mempunyai pengguna yang ramai pada kos yang sangat rendah dan percuma. Anak muda yang sentiasa mempunyai sifat rendah diri ini turut memasang impian untuk membuka lebih banyak cawangan perniagaannya di seluruh Malaysia pada masa hadapan.

